BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/04/40 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Jumaat, 26 Mac 2004**

Maklumat Utama Siaran Akhbar Februari 2004

Penunjuk monetari memperlihatkan arah aliran yang lebih tinggi berikutan peningkatan momentum sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan

Dasar monetari yang akomodatif terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada bulan Februari. Ini dicerminkan oleh penunjuk monetari yang lebih kukuh, yang memperlihatkan arah aliran yang lebih tinggi berikutan peningkatan momentum sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan. Mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan serta keadaan kadar faedah yang rendah dan stabil terus menyokong keperluan pembiayaan sektor swasta. Kadar pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat monetari meningkat dengan M1, M2 dan M3 masing-masing mencatat 15.9%, 11% dan 9.7% pada akhir Februari (pada akhir Januari: 11.3%, 10.5% dan 8.9%). Penunjuk pinjaman juga memperlihatkan prestasi yang lebih baik pada bulan Februari 2004, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan yang merupakan penunjuk ke hadapan terus meningkat dengan sejumlah RM1.8 bilion diluluskan bagi 5,828 akaun PKS, lebih tinggi daripada jumlah yang diluluskan pada bulan Januari.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/04/40 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Jumaat, 26 Mac 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN FEBRUARI 2004

Penunjuk monetari memperlihatkan arah aliran yang lebih tinggi berikutan peningkatan momentum sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan

Dasar monetari yang akomodatif terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada bulan Februari. Ini dicerminkan oleh penunjuk monetari yang lebih kukuh, yang memperlihatkan arah aliran yang lebih tinggi berikutan peningkatan momentum sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan. Mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan serta keadaan kadar faedah yang rendah dan stabil terus menyokong keperluan pembiayaan sektor swasta. Kadar pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat monetari meningkat dengan M1, M2 dan M3 masing-masing mencatat 15.9%, 11% dan 9.7% pada akhir Februari (pada akhir Januari: 11.3%, 10.5% dan 8.9%). Penunjuk pinjaman juga memperlihatkan prestasi yang lebih baik pada bulan Februari 2004, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan yang merupakan penunjuk ke hadapan terus meningkat dengan sejumlah RM1.8 bilion diluluskan bagi 5,828 akaun PKS, lebih tinggi daripada jumlah yang diluluskan pada bulan Januari.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil. Bank Negara Malaysia terus menyerap lebihan mudah tunai, seterusnya mengekalkan kestabilan keadaan pasaran wang.



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil



Operasi mudah tunai BNM menstabilkan kesan mudah tunai aliran masuk luar negara



Nisbah pembiayaan-deposit kekal tinggi pada kadar 90.5%

Dalam pasaran runcit, kadar asas berian pinjaman (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah masing-masing pada kadar 6.00% dan 6.90%. Kadar purata pinjaman (ALR) bank perdagangan kekal rendah dan stabil pada kadar 6.13% sementara ALR bagi syarikat kewangan menurun kepada 9.01% (masing-masing pada 6.12% dan 9.06% pada bulan Januari).



ALR bank perdagangan kekal rendah dan stabil sementara ALR syarikat kewangan menurun sedikit

Pada 15 Mac 2004, kadar deposit tetap nominal untuk tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil antara 3 – 3.7%.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Mac 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar FD bank perdagangan kekal stabil ...



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
15 Mac 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

... begitu juga syarikat kewangan



Kadar benar FD 3-bulan naik berikutan kadar inflasi yang lebih rendah pada bulan Februari

Prestasi ringgit

Pada bulan Februari, ringgit menunjukkan pola bercampur-campur berbanding mata wang utama, dengan ringgit naik nilai berbanding yen Jepun (+3.3%) tetapi susut nilai berbanding paun sterling (-2.5%) dan euro (-0.3%). Yen terus naik nilai berbanding ringgit pada separuh pertama bulan Februari, disebabkan oleh prospek ekonomi yang semakin pulih di Jepun, tetapi selepas itu nilai yen turun mendadak disebabkan kebimbangan mengenai aktiviti pengganas. Paun sterling terus kukuh, berikutan peningkatan kadar faedah dan prospek ekonomi yang menggalakkan di United Kingdom. Penyusutan nilai ringgit berbanding euro pada separuh pertama bulan Februari yang kemudiannya diimbangi oleh peningkatan nilai, mencerminkan kesan gandingan pelbagai faktor yang mempengaruhi kadar pertukaran euro-dolar, termasuk keputusan ECB untuk mengekalkan kadar faedah di samping data ekonomi AS yang bercampur-campur.

Berbanding mata wang negara-negara serantau, ringgit naik nilai berbanding hampir kesemua mata wang pada bulan Februari. Ringgit naik nilai berbanding peso Filipina (+0.5%) disebabkan nilai peso terus merosot berikutan kebimbangan awal terhadap pilihan raya presiden pada bulan Mei. Nilai ringgit merosot berbanding mata wang serantau yang lain sehingga pertengahan Februari, tetapi nilai ringgit naik sehingga akhir bulan dengan mencatat kenaikan bersih yang kecil berbanding dolar Singapura, baht Thai dan rupiah Indonesia, tetapi tidak berubah berbanding won Korea. Penyusutan nilai dolar Singapura, baht Thai dan won Korea adalah sejajar dengan yen yang lebih rendah.

Pada tempoh 1 – 25 Mac, ringgit naik nilai berbanding euro (+2.6%) dan paun sterling (+2.1%) selaras dengan dolar AS. Dolar AS mengukuh berikutan beberapa penunjuk ekonomi yang positif, diimbangi sebahagiannya oleh data guna tenaga yang lemah. Sementara itu, ringgit susut nilai berbanding yen (-3.2%) atas sokongan terhadap yen berikutan laporan ekonomi Jepun yang semakin pulih. Berbanding mata wang serantau, ringgit naik nilai berbanding rupiah (+2%) berikutan ketidaktentuan politik di Indonesia dan susut nilai berbanding won (-1.9%) berikutan minat membeli pelabur dalam pasaran ekuiti Korea Selatan.





Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Feb 04	25 Mac 04	Feb 04	Akhir Feb 04 - 25 Mac 04	Akhir Dis 03 - 25 Mac 04	02 Sep 98 - 25 Mac 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.7297	4.6098	-0.3	2.6	3.7	-
Paun sterling	6.3708	7.0819	6.9342	-2.5	2.1	-2.4	-8.1
100 yen Jepun	2.7742	3.4703	3.5837	3.3	-3.2	-0.8	-22.6
Dolar Singapura	2.1998	2.2311	2.2467	0.1	-0.7	-0.6	-2.1
100 baht Thai	9.3713	9.6594	9.6105	0.1	0.5	-0.2	-2.5
100 peso Filipina	8.8302	6.7466	6.7379	0.5	0.1	1.6	31.1
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0449	0.0440	0.1	2.0	1.9	-19.6
100 won Korea	0.2827	0.3227	0.3290	0.0	-1.9	-3.4	-14.1

Inflasi kekal rendah

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100) menurun sedikit kepada 0.9% pada bulan Februari (Januari: 1%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang lebih perlahan dalam harga makanan, sewa kasar, bahan api dan kuasa serta penurunan yang berterusan dalam harga pakaian dan kasut, serta perabot, hiasan dan perkakas rumah.



Kadar tahunan inflasi menurun sedikit kepada 0.9%

Harga pengeluar meningkat pada kadar yang lebih perlahan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.7% pada bulan Januari (Disember: 3.8%), mencerminkan terutamanya kenaikan dalam harga minyak sawit mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 1.5%.



Harga pengeluar meningkat pada kadar yang rendah

Bekalan wang terus meningkat

Bekalan wang meningkat sejajar dengan aktiviti sektor swasta yang lebih tinggi. Pada kadar tahunan, ketiga-tiga agregat monetari meningkat, dengan M1, M2 dan M3 masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 15.9%, 11% dan 9.7% pada akhir bulan Februari (akhir Januari: 11.3%, 10.5% dan 8.9%).

Pada akhir bulan Februari, pengembangan operasi luar negara dan pembiayaan yang lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta menyumbang kepada peningkatan dalam wang secara luas, M3. Ini sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan dalam deposit dengan Bank Negara Malaysia apabila Kerajaan menyimpan perolehan daripada penerbitan SKM pada bulan ini.



Bekalan wang memperlihatkan peningkatan arah aliran pada asas tahunan

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 03	**Jan 04**	**Feb 04**	**Jan - Feb 04**
M3	1.3	5.2	6.0	11.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4.1	1.9	-5.9	-4.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	-0.2	-0.7	1.8	1.1
Operasi luar bersih *	-1.9	12.6	10.6	23.2
Pengaruh lain	-0.7	-8.7	-0.5	-9.2

* Sebelum penilaian semula

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat dengan nyata

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat dengan nyata sebanyak RM8.2 bilion pada bulan Februari, mencerminkan terutamanya simpanan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan berikutan prestasi perolehan yang lebih baik. Deposit individu juga mencatat kenaikan yang nyata sebahagiannya disebabkan oleh simpanan semula mata wang selepas perayaan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 9.6% pada akhir Februari (9.1% pada akhir Januari).

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 03	Jan 04	Feb 04	Jan - Feb 04
Kerajaan Persekutuan	-759	-534	-37	-571
Kerajaan Negeri	217	-254	298	44
Badan Berkanun [1]	932	-1,026	371	-655
Institusi Kewangan	889	-701	1,736	1,035
Perusahaan Perniagaan	-1,304	-868	2,896	2,028
Individu	2,850	4,086	2,220	6,306
Lain-lain [2]	1,004	-505	731	227
Jumlah	3,830	199	8,215	8,414

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Simpanan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu ...

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 03	Jan 04	Feb 04	Jan - Feb 04
Deposit tetap	-2,750	2,486	5,151	7,637
NID	798	-1,200	-400	-1,600
Deposit permintaan	3,008	-1,559	1,781	222
Deposit tabungan	1,101	1,604	593	2,197
Perjanjian beli balik (Repo)	-335	524	-843	-318
Deposit mata wang asing	1,152	-968	409	-560
Deposit SPI	194	-483	1,033	550
Lain-lain	660	-205	491	287
Jumlah	3,830	199	8,215	8,414

... terutamanya dalam deposit tetap dan permintaan.

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi pada bulan Februari. Pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan melalui pasaran modal berjumlah RM33.5 bilion (RM31.7 bilion pada tempoh yang sama tahun 2003). Nisbah pembiayaan-deposit sistem perbankan kekal tinggi pada kadar 90.5% pada akhir Februari (91.7% pada akhir Januari).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi...

Penunjuk pinjaman memperlihatkan prestasi yang lebih baik pada bulan Februari berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Penunjuk ke hadapan menunjukkan jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan meningkat masing-masing sebanyak RM17.6 bilion dan RM10.9 bilion (Januari: RM17.2 bilion dan RM9.7 bilion), mencerminkan pembiayaan berterusan oleh sistem perbankan untuk membiayai permintaan pinjaman yang lebih tinggi. Pinjaman yang dikeluarkan juga kekal tinggi sebanyak RM32.8 bilion (RM27.4 bilion pada bulan Februari 2003). Sebahagian besar daripada pinjaman yang dikeluarkan telah disalurkan kepada sektor perniagaan (67.1% daripada jumlah yang dikeluarkan), terutamanya kepada perkilangan (37% daripada pengeluaran kepada sektor perniagaan), dagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (24.5%) serta perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (11.4%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah kekal tinggi, mencerminkan pinjaman berterusan bagi pembelian harta benda penduduk (30.1% daripada pengeluaran kepada sektor isi rumah), bagi kad kredit (28.4%) dan bagi pembelian kereta penumpang (19.6%). Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.1% (4.6% pada akhir Januari).



Penunjuk pinjaman lebih tinggi pada bulan Februari berbanding tempoh yang sama tahun lalu



Pinjaman kepada PKS kekal tinggi pada bulan Februari, dengan jumlah sebanyak RM1.8 bilion diluluskan kepada 5,828 akaun PKS, lebih tinggi daripada yang diluluskan pada bulan Januari. Pembayaran semula yang lebih tinggi menyebabkan pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.5% (7.5% pada akhir Januari). Pinjaman kepada PKS terus mencakupi bahagian yang besar daripada pinjaman perniagaan, iaitu sebanyak 37.8%, dan 16.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir bulan Februari.

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal lebih tinggi

Pada bulan Februari, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi, mencerminkan perolehan dana kasar sebanyak RM6.5 bilion oleh sektor awam. Perolehan ini merangkumi dua terbitan SKM 5-tahun yang berjumlah RM6 bilion untuk membiayai perbelanjaan pembangunan Kerajaan serta terbitan pertama Bon Simpanan Merdeka oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM500 juta. Bon Simpanan Merdeka diterbit untuk menyediakan instrumen tabungan tambahan bagi rakyat tua yang tidak bekerja sepenuh masa serta bagi kakitangan Angkatan Tentera Malaysia yang pencen. Dana kasar yang diperoleh daripada terbitan dua bon korporat berjumlah RM537 juta adalah juga untuk aktiviti baru dan pembiayaan semula. Cagamas Berhad juga menerbitkan bon sebanyak RM640 juta. Jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah kecil sesudah mengambil kira penebusan bon Cagamas bernilai RM1 bilion. Sementara itu, sejumlah RM147.1 juta diperoleh daripada pasaran ekuiti melalui tujuh tawaran awam awal.



Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal lebih tinggi terutama oleh sektor awam...

Lanjutan daripada momentum semenjak akhir tahun 2003, harga saham di Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB) meningkat pada bulan Februari, disokong oleh laporan yang menggalakkan mengenai ekonomi dalam negeri dan

sentimen positif daripada pelabur dalam dan luar negeri. Meskipun pasaran saham di luar negeri juga meningkat pada bulan ini, IK BSKL mencatat keuntungan paling besar di rantau ini. Perkembangan lebih baik ini mencerminkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.4% yang lebih baik daripada jangkaan pada suku keempat serta pemulihan menyeluruh dalam perolehan korporat. Penaikan taraf oleh Moody ke atas penarafan mata wang asing Malaysia daripada stabil ke positif memperkukuhkan lagi prospek pasaran tempatan yang positif.

Pada akhir bulan Februari, IK BSKL ditutup pada paras 879.2 mata (+7.4% sejak akhir Januari). Modal pasaran adalah lebih tinggi sebanyak RM713.4 bilion (+7.4% semenjak akhir Januari) dan purata urus niaga harian bagi bulan ini adalah lebih tinggi sebanyak 740.4 juta unit.



IK BSKL meningkat sebanyak 8.7% bagi tempoh 1 Februari – 25 Mac 2004

Pada tiga minggu pertama bulan Mac, harga saham dipengaruhi terutamanya oleh sentimen berikutan pilihan raya awam yang diadakan pada 21 Mac 2004. Pada 25 Mac 2004, IK BSKL ditutup pada paras 890.14 mata (+1.2% sejak akhir Februari). Modal pasaran adalah lebih tinggi sebanyak RM721.7 bilion (+1.2% sejak akhir Februari) dan purata urus niaga harian pada tempoh ini adalah lebih tinggi sebanyak 677.5 juta unit.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat sebanyak RM5.7 bilion atau AS$1.5 bilion pada bulan Februari kepada RM187.1 bilion atau AS$49.2 bilion pada 28 Februari 2004. Kenaikan rizab pada bulan ini disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan eksport yang mapan serta aliran masuk dana portfolio yang lebih besar. Aliran keluar pada tempoh ini mencerminkan terutamanya

bayaran import bagi barangan dan perkhidmatan. Rizab terus meningkat kepada RM194.9 bilion atau AS$51.3 bilion pada 15 Mac 2004, cukup untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan adalah 5.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Kenaikan rizab disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan eksport dan aliran masuk dana portfolio yang lebih besar

Sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan terus kekal kukuh pada tahap 13.7%, sementara nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan kekal pada tahap 6.8% berikutan kesan kenaikan NPL bersih sebanyak RM0.05 bilion (0.1%) telah dikurangkan oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah pinjaman pada akhir bulan Februari 2004.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1998	**1999**	**2000**	**2001**	**2002**	**Dis 03**	**Jan 04**	**Feb 04**
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.7	11.0	11.1
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.4	13.7	13.7
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.9	6.8	6.8
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	30,862	30,894	30,940
Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi-institusi perbankan Islam.



RWCR sustained at 13.7%



Net NPL ratio (6-month classification) remained at 6.8%

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2004

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Dis 03		Jan 04		Feb 04	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari						
Wang rizab	45.5	6.9	49.7	3.8	47.3	8.9
M1	102.1	14.6	103.6	11.3	103.5	15.9
M2	426.0	11.1	430.2	10.5	433.1	11.0
M3	549.6	9.7	554.8	8.9	560.8	9.7
Sistem Perbankan						
Jumlah deposit	553.8	9.8	554.0	9.1	562.2	9.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)	474.0	4.8	475.6	4.6	477.2	5.1
Nisbah pinjaman-deposit (%)	80.9		81.2		80.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)	91.7		91.7		90.5	
Pinjaman yg dipohon (pada tempoh berkenaan)	19.0	22.9	17.2	-19.8	17.6	12.8
Pinjaman yg diluluskan (pada tempoh berkenaan)	14.2	38.2	9.7	-25.7	10.9	17.3
Pinjaman yg dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)	43.4	20.6	39.5	3.8	32.8	19.7
Pinjaman yang dibayar (pada tempoh berkenaan)	45.7	27.2	38.7	4.3	33.0	18.0
Keadaan Sistem Perbankan						
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.4		13.7		13.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.9		6.8		6.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)						
Rizab dalam RM (bilion)	170.5		181.3		187.1	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	44.9		47.7		49.2	
Bilangan bulan import tertangguh	7.1		7.3		7.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]						
Antrabank: 1 bulan	2.99 [2.99]		2.99 [2.99]		2.98 [2.99]	
3 bulan	2.87 [2.94]		2.89 [2.87]		2.85 [2.85]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1 bulan	3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]	
3 bulan	3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00 [6.00]		6.00 [6.00]		6.00 [6.00]	
Harga						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	105.0	1.2	105.0	1.0	105.1	0.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	143.2	3.8	143.4	2.7		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)						
Euro	4.7783		4.7152		4.7297	
Paun Sterling	6.7678		6.9018		7.0819	
100 Yen Jepun	3.5546		3.5861		3.4703	
Dolar Singapura	2.2342		2.2323		2.2311	
100 Baht Thai	9.5947		9.6729		9.6594	
100 Peso Filipina	6.8431		6.7827		6.7466	
100 Rupiah Indonesia	0.0449		0.0450		0.0449	
100 Won Korea	0.3180		0.3227		0.3227	
Pasaran Modal						
Dana bersih yang diperoleh dari sektor: awam	-0.2		...		6.0	
swasta	1.1		1.8		0.3	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	793.9		818.9		879.2	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	640.3		664.3		713.4	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.